



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH ORIENTASI MATLAMAT DAN MOTIF PENGLIBATAN DI KALANGAN PEMAIN SOFBOL MSSM GABUNGAN KUCHING SARAWAK

MAH-MHAD ZUL KENEDY BIN LAILI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGARUH ORIENTASI MATLAMAT DAN MOTIF PENGLIBATAN DI
KALANGAN PEMAIN SOFBOL MSSM GABUNGAN
KUCHING SARAWAK**

MAH-MHAD ZUL KENEDY BIN LAILI



**KERTAS PROJEK DIKEMUKANKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007





PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



19.04.2007

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

MAH-MHAD ZUL KENEDY B. LAILI
M20061000053





PEGESAHAN

Penulisan kertas projek ini telah diterima dan diluluskan untuk
memenuhi sebahagian syarat bagi memperolehi
Ijazah Sarjana Pendidikan Sains Sukan,
Fakulti Sains Sukan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan.



(EN, HISHAMUDDIN BIN AHMAD)

Penyelia Kertas Projek
QSS 6006

April 2007





PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya maka saya dapat menyiapkan penulisan ilmiah ini. Dengan kesempatan ini, terlebih dahulu diucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu En. Hishamuddin bin Ahmad di atas segala tunjuk ajar serta bimbingan dari beliau yang jelas tidak jemu serta yang sentiasa bersemangat sewaktu bersama. Segala tunjuk ajar dari beliau amat bermanfaat kepada saya di sepanjang proses penyiapan kertas projek ini malah untuk kelangsungan ilmu saya pada masa depan.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah yang lain, yang mana sering menjadi rujukkan saya dari masa ke semasa khas nya kepada Professor Madya Dr Shahrudin Bin Azizi , Professor Madya Dr Jabbar Bin Johari, Dr Ahmad Hashim serta pensyarah yang lain dalam menjayakan Program Pasca Eksekutif

Sekalung budi diberikan kepada pihak pentadbiran sekolah-sekolah yang terbabit kerana telah memberi kerjasama yang padu kepada saya sewaktu pelaksanaan pengumpulan data, khasnya jurulatih-jurulatih sofbol dari SMK St. Joseph Kuching, SMK St. Thomas Kuching, SMK Pending Kuching, SMK St Teresa Kuching, SMK Lake Bau dan SMK Datuk Pantinggi Gapor Stampin Kuching. Tidak lupa kepada rakan-rakan yang telah menyumbang pendapat serta saranan tentang kajian yang saya lakukan, terima kasih yang tidak terhingga buat kalian semua





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat apakah corak orientasi matlamat dan motif penglibatan pemain serta perkaitan antara orientasi matlamat dengan motif penglibatan pemain sofbol yang menyertai Kejohanan Sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007. Kajian ini di jalankan untuk menyelesaikan empat persoalan. (a) Apakah corak orientasi matlamat pemain sofbol? (b) Apakah motif penglibatan yang paling utama? (c) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam orientasi matlamat mengikut umur, jantina, pengalaman dan tahap penglibatan sampel kajian? (d) Apakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara motif penglibatan dengan corak orientasi matlamat?

Setelah analisis dibuat dengan menggunakan ujian t tidak bersandar didapati keseluruhan pemain sofbol mempunyai orientasi ego yang lebih tinggi berbanding dengan orientasi tugas. Namun pemain yang lebih berpengalaman menunjukkan orientasi tugas dan orientasi ego yang agak seimbang. Berdasarkan jantina didapati orientasi ego pemain sofbol bawah 15 tahun lebih tinggi dari pemain bawah 18 tahun dan mempunyai orientasi tugas yang lebih rendah berbanding pemain bawah 18 tahun. Ujian yang dijalankan ke atas motif penglibatan pemain sofbol didapati motif yang paling penting ialah semangat berpasukan, kedua perkembangan kemahiran, ketiga kecegasan fizikal dan seterusnya keseronokkan, persahabatan, pengaruh, pembebasan tenaga dan pencapaian atau status. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pilihan sesuatu motif di kalangan pemain sofbol. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara orientasi matlamat ego dan tugas dengan motif penglibatan, namun umumnya adalah rendah. Hanya motif penglibatan jenis perkembangan kemahiran yang menunjukkan perhubungan yang sederhana dengan orientasi ego. Manakala motif penglibatan jenis pembebasan tenaga pula menunjukkan perhubungan yang sangat lemah dengan orientasi matlamat ego dan menunjukkan terdapat perhubungan yang lemah secara negatif dengan orientasi tugas





ABSTRACT

This research was carried out to look at the motive orientation pattern and motive of player's involvement and the relation between motive orientation and motive of player's involvement that take part in the MSSSM Gabungan Kuching Softball Tournament 2007. This research is carried out to solve four questions. (a) What is the motivational orientation pattern of softball players? (b) What is the main motive of the involvement? (c) Is there any significant in motivational orientation based on their age, sex, experience and the level of involvement in the samples in this study? (d) Is there any significant relationship between participation motives and motivational orientation?

After the analysis done with the non dependent t test, the result shows that all the softball players have high orientation ego compared to the orientation tasks. Nevertheless, the more experienced players show a steady balance between the orientation tasks and ego orientation. Based on the sex, the orientation ego of softball players under 15 years old are higher than those under 18 years old and they have lower orientation task compared to palyers under 18. the test carried out based on the participation motive of the softball players, it is found out that the most important motives is teamwork spirit, secondly skilssdevelopment, thirdly physical energy, and then fun, friendship, influence, energy release and achievement or status. There is no significant difference in the choice of certain motives among the softball players. The result of this research also shows that there is asognificant relationship between ego and task orientation with participation motives, even though in general it is very low. Only the participation motives, which is the skills development type, shows a moderate relationship with the orientation ego. Where as the participation motives of energy release shows a very weak relationship withego orientation, and shows that there is a weak and negative relationshipwith task orientation.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PENGAKUAN PELAJAR	ii
PENGAKUAN PENYELIA	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Kepentingan Motivasi	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Kepentingan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Delimitasi Kajian	8
1.7 Limitasi Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Definisi Motivasi	12
2.2 Konsep Motif	14
2.3 Teori-Teori Berkaitan Motivasi	16
2.4 Teori-Teori Berkaitan Motif	17
2.5 Kajian-Kajian Berkaitan Orientasi Matlamat Dalam Sukan	19
2.6 Kajian-Kajian Berkaitan Dengan Motif Penglibatan	22
2.7 Rumusan Dari Kajian-Kajian Berkaitan	25
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Kerangka Konseptual	30
3.4 Pembolehubah Kajian	31
3.5 Instrumen Kajian	31
3.5.1 Instrumen Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ)	31
3.5.2 Instrumen Participation Motivation Questionnaire (PMQ)	32





3.6	Populasi dan Sampel Kajian	34
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	36
3.8	Penganalisaan Data	37

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	39
4.2	Demografi Responden	40
4.3	Pengalaman Dalam Permainan Sofbol	42
4.4	Peringkat Penglibatan Dalam Sofbol	43
4.5	Sokongan Ibubapa Terhadap Penglibatan Dalam Sofbol	44
4.6	Perbezaan Orientasi Matlamat Berdasarkan Jantina	45
4.7	Perbezaan Orientasi Matlamat Berdasarkan Pengalaman	47
4.8	Perbezaan Orientasi Matlamat Berdasarkan Umur	49
4.9	Perbezaan Orientasi Matlamat Berdasarkan Tahap Penglibatan	51
4.10	Mengenalpasti Motif Pencapaian Pemain sofbol	53
4.11	Perkaitan Antara Motif Penglibatan Dengan Corak Orientasi Matlamat	54

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Rumusan	51
5.2	Cadangan Untuk Kajian Susulan	60
5.3	Cadangan Kepada Guru Pendidikan Jasmani dan Jurulatih	62



**SENARAI JADUAL**

Jadual	muka surat
3.1 Darjah Kekuatan dan arah Hubungan Antara Pembolehubah	29
3.2 Kumpulan Motif Berdasarkan Item	33
3.3 Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan	35
4.1 Jantina Responden	40
4.2 Umur Responden	41
4.3 Bilangan Tahun Terlibat Dalam Sofbol	42
4.4 Peringkat Penglibatan Responden	43
4.5 Sokongan Ibubapa Terhadap Penglibatan Responden	44
4.6 Perbezaan Orientasi Ego Antara Lelaki dan Perempuan	45
4.7 Perbezaan Orientasi Tugas Antara Lelaki dan Perempuan	46
4.8 Perbezaan Orientasi Ego Berdasarkan Pengalaman	47
4.9 Perbezaan Orientasi Tugas Berdasarkan Pengalaman	48
4.10 Perbezaan Orientasi Ego Berdasarkan Umur	49
4.11 Perbezaan Orientasi Tugas Berdasarkan Umur	50
4.12 Perbezaan Orientasi Ego Berdasarkan Tahap Pencapaian	51
4.13 Perbezaan Orientasi Tugas Berdasarkan Tahap Pencapaian	52
4.14 Motif Utama Pemain Sofbol Gabungan Kuching Mengikut Subskala	53
4.15 Korelasi antara Motif Penglibatan dengan Orientasi Matlamat	54





SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
2.1 Model McClelland dan Atkinson	13
3.1 Karangka Konseptual Kajian	30
4.1 Peratus Subjek Mengikut Jantina	40
4.2 Peratus Subjek Mengikut umur	41
4.3 Peratus Subjek Mengikut Bilangan Tahun Penglibatan	42
4.4 Peratus Subjek Mengikut Peringkat Penglibatan	43
4.5 Peratus Responden Berdasarkan Sokongan Dari Ibubapa	44





BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Motivasi merupakan elemen yang penting dalam mempertingkatkan prestasi dalam sukan, namun seringkali dipandang sebagai sentuhan terakhir untuk seseorang atlet sebelum memulakan sesuatu pertandingan. Lantaran itu kebanyakan jurulatih dan pasukan melaksanakan latihan ini pada saat akhir latihan, hampir dengan waktu pertandingan dan apa yang menyedihkan kebanyakannya dilaksanakan dengan pendekatan yang kurang tepat. Kesan yang diharapkan daripada latihan mental gagal mencapai matlamat. Ini berbeza dengan dengan negara-negara barat di mana latihan mental diadakan di awal latihan.

Latihan mental sebenarnya mampu mempertingkat motivasi dan mampu mendorong seseorang atlet untuk terus terlibat dalam sukan. Kepentingan aspek





psikologi ini telah ditegaskan oleh Presiden Persatuan Bola Sepak Perak iaitu Datuk Zahid Hamidi di mana setelah mempengerusi Mesyuarat Majlis PAFA beliau telah menyatakan;

"Saya melihat atlet kita di Sukan Asia, Doha baru-baru ini mereka mempunyai kemahiran, strategi dan stamina yang bagus tetapi apabila berhadapan dengan tekanan mereka menjadi lemah dari segi psikologi dan mental,"

Jurulatih Sarawak, Pengiran Bala telah menyatakan bahawa kekalahan demi kekalahan yang ditempuh oleh pasukan Sarawak adalah berpunca dari hilang tumpuan ketika diasak oleh pihak lawan. Begitu juga dengan Pasukan Sepak Takraw di Doha dalam sukan Asia di mana Jamluddin Hassan menyatakan;

"Kita cuma kalah di Doha kerana kegagalan menyambar peluang dalam beberapa situasi yang banyak berkaitan kekuatan mental. Ia sebenarnya terpulang kepada seseorang pemain itu sendiri untuk mengatasinya,"



Menurut Finch (2002), motivasi merupakan interaksi yang kompleks dari segi budaya, persekitaran dan perlakuan seseorang individu yang terlibat dalam sukan untuk mencapai prestasi yang terbaik. Umpamanya pemain skuasy negara Nicol David yang kini telah menduduki pemain nombor satu dunia. Kurangnya pemahaman terhadap makna sebenar motivasi, telah menyebabkan jurulatih dan atlit gagal untuk mengenalpasti faktor sebenar yang memotivasikan penglibatan atlet atau individu dalam sukan dan kurang jelas tentang tujuan penglibatan mereka. Masalah ini akan menyebabkan jurulatih dan atlet sukar untuk melihat kelemahan diri atlet dan sukar bagi jurulatih merangka program latihan yang sejajar dengan matlamat dan kemampuan diri





Oleh itu, jurulatih dan atlet sendiri harus peka terhadap kemajuan prestasi agar faktor yang memotivasikan penglibatan mereka akan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi ke tahap yang optima. Menurut Finch (2000), lagi dengan memahami perbezaan individu dari segi motivasi, orientasi matlamat dan penglibatan atlet dapat dikenalpasti bagi membantu ahli psikologi sukan dengan lebih berkesan untuk mengoptimalkan motivasi atlit.

1.2 Penyataan Masalah

Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia merupakan organisasi di bawah Kementerian Pendidikan yang sering mengemuka dan melahirkan atlet pada setiap kali kejohanannya. Dari arena ini lahirlah beberapa orang atlit negara seperti Azmi Ibrahim, Watson Nyambek, Nicol David, dan sebagainya. Ramai di kalangan mereka telah berjaya dari peringkat sekolah, bahagian, negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Melalui pemerhatian penyelidik, di dapati atlet keluaran MSSM ramai yang tidak boleh bertanding pada peringkat yang lebih cemerlang. Umpamanya di Sarawak, apabila Watson Nyambek tidak berjaya mengekalkan prestasinya, Boniface Lejau pula menjadi sandaran untuk Sarawak, namun prestasi anak muda ini masih tidak meningkat. Sedangkan dilihat dari sudut fizikal beliau mempunyai banyak kelebihan berbanding Watson Nyambek. Atlet olahraga negara kita gagal memberi cabaran yang hebat pada peringkat antarabangsa, tidak seperti Thailand, Filipina dan beberapa buah negara jiran yang lain.





Di Amerika Syarikat, kejohanan antara universiti merupakan kejohanan yang penting. Keputusan yang diperolehi dari situ merupakan bayangan masa depan olimpik bagi Amerika. Sememangnya banyak aspek yang perlu kita lihat, umpamanya faktor kemudahan, latihan dan sebagainya. Namun negara seperti Kenya, mempunyai kemudahan sukan yang lebih daif dari Malaysia, tetapi mampu melahirkan atlet olahraga yang disegani pada kejohanan antarabangsa.

Mengapa atlet yang lahir dari MSSM masih tidak mampu memberi sumbangan yang besar dalam sukan kepada negara pada tahap antarabangsa? Masalah ini wujud oleh kerana ramai atlet kita yang tidak seimbang dari segi orientasi matlamatnya. Atlet yang tinggi orientasi ego serta terlalu dipengaruhi oleh faktor ektrinsik tidak akan dapat bertahan lama dalam karier. Mereka mudah mengalah apabila kalah dan tidak konsisten dalam latihan. Manakala atlet yang tinggi orientasi tugasannya merupakan atlit yang cekat dan gigih dalam latihan. Kekalahan bagi mereka adalah satu pengukuran tahap pencapaian atas usaha yang telah dilakukan. Atlit sebeginilah yang mampu pergi dengan lebih jauh. Justeru itu adalah penting bagi pihak berkenaan merangka program yang mampu membentuk atlet negara yang seimbang orientasi matlamatnya, di mana atlet sebegini mempunyai semangat juang yang tinggi, cekat, bersikap positif dan seterusnya mampu bersaing ke peringkat yang lebih jauh.

Bertitik tolak dari inilah kita perlu melihat masalah ini dari sudut psikologi iaitu orientasi matlamat bagi seseorang atlet serta apakah motif yang mempengaruhi penglibatan mereka dalam sukan. Melalui penyelidikan ini, para jurulatih akan mengetahui corak orientasi matlamat anak buahnya sama ada lebih kepada ego, tugas atau seimbang. Atlet juga akan sedar adakah dirinya berlandaskan orientasi matlamat





jenis apa. Dengan adanya dapatan kajian maka senanglah bagi jurulatih membentuk program latihannya yang mampu membentuk orientasi matlamat yang seimbang. Sekiranya seorang atlet itu lebih kepada orientasi matlamat ego dan kurang orientasi matlamat tugas maka jurulatih oleh membentuk suasana latihan yang mengarahkan kepada oreintasi tugas.

Melalui dapatan kajian di dapati bahawa atlet yang lebih kepada tugas akan boleh pergi dengan lebih jauh, kerana sikap mereka yang sentiasa ingin belajar dan mempertingkatkan kemahiran diri dan ini menyebabkan mereka tidak akan putus asa. Manakala atlit yang lebih ego mementingkan kejayaan dan kemampuan untuk mengatasi orang lain, sehinggakan sanggup membelakangi peraturan dan bertindak agresif.



1.3 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan dari kajian ini amat berguna kepada pihak Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri Sarawak. Maklum balas dari responden dalam kajian ini boleh membantu jurulatih untuk merangka program motivasi yang sesuai untuk setiap pelajar atau atlet bagi meningkatkan prestasi. Di samping itu juga, dapatan dari kajian ini dapat digunakan sebagai sumber dalam merangka program latihan yang lebih berkesan yang mana mampu membentuk orientasi matlamat para atlet seperti mana yang dikehendaki.

Pengesanan pada peringkat awal tentang jenis orientasi matlamat mereka akan dapat menggalakkan pelajar untuk berusaha mencapai tahap yang tertinggi dari segi penglibatan pelajar. Dengan ini pelajar akan lebih terbimbing dalam membentuk kerjaya mereka sebagai seorang pelajar cemerlang dalam akademik dan sukan. Jesteru itu





sebarang rintangan yang mereka hadapi tidak akan menjadi sebab pengunduran mereka dalam sukan pada masa depan.

Kajian ini melibatkan pelajar di beberapa buah sekolah di sekitar bandar kuching yang terlibat dalam sukan sofbol. Sukan sofbol merupakan sukan agak asing bagi kebanyakan sekolah di Sarawak. Memandangkan undang-undang yang terlalu banyak, serta payah untuk difahami dalam masa yang singkat, maka sukan ini kurang mendapat tempat di kalangan pelajar. Masalah ini juga berpunca dari peralatan yang mahal harga serta ditambah lagi masalah kompetensi guru yang kurang untuk melatih pelajar, maka sukan ini berkembang dengan agak perlahan. Sarawak hanya menghantar pasukan lelaki bawah 18 sahaja pada setiap tahun, dan 2007 merupakan tahun keenam Sarawak menyertai Kejohanan Sofbol Peringkat Kebangsaan Majlis Sukan Sekolah Sekolah Malaysia (MSSSM).



Bagi penyelidik untuk melihat sukan ini agar terus berkembang dan dapat dipertandingan pada peringkat SUKMA adalah bertitik tolak dari pelajar yang telah bermain sofbol dari sekolah. Apa yang ingin ditekan oleh penyelidik ialah jurulatih di sekolah perlu mengetahui orientasi matlamat pelajar dan motif penglibatan mereka. Pengetahuan ini dapat membantu guru atau jurulatih membentuk pelajar, agar terus meminati sukan ini, walaupun telah meninggalkan alam sekolah. Suatu masa nanti sukan ini akan dipertandingkan pada peringkat SUKMA.





1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini mempunyai beberapa objektif Kajian iaitu:

1. Membandingkan orientasi matlamat di kalangan pemain softball Gabungan Kuching antara lelaki dan perempuan.
2. Membandingkan orientasi matlamat di antara pemain bawah 18 dengan pemain bawah 15
3. Membandingkan orientasi matlamat di antara pemain berpengalaman dengan pemain tidak berpengalaman.
4. Membandingkan motif-motif penglibatan di kalangan pemain softball MSSM Gabungan Kuching 2007.
5. Mengenalpasti perkaitan di antara motif penglibatan dengan orientasi matlamat di kalangan pemain softball MSSM Gabungan Kuching.





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif dan kepentingan kajian, persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut

1. Adakah terdapat perbezaan orientasi matlamat dikalangan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007 dari segi jantina?
2. Adakah terdapat perbezaan orientasi matlamat dikalangan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007 dari segi pengalaman?
3. Adakah terdapat perbezaan orientasi matlamat dikalangan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007 dari segi umur?
4. Apakah motif penglibatan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007?
5. Adakah terdapat perkaitan antara motif penglibatan dengan corak orientasi matlamat di kalangan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007?



1.6 Delimitasi Kajian

Terdapat beberapa perkara yang telah ditetapkan oleh penyelidik berdasarkan kajian terhadap orientasi matlamat dan motif penglibatan di kalangan pemain sofbol MSSM Gabungan Kuching

Kajian ini hanya terbatas ke atas semua pemain sofbol yang menyertai Kejohanan Sofbol MSSM Gabungan Kuching 2007, dengan nisbah 50:50 atlit senior (umur 16 -18 tahun) dan junior (umur 13 –15 tahun) serta nisbah yang sama dari segi jantina. Semua responden adalah terdiri daripada tujuh buah sekolah yang sering menyertai pertandingan





sofbol peringkat MSSM Gabungan Kuching. Sekolah yang terlibat ialah SMK Pending, SMK Lake, SMK St Thomas, SMK St. Joseph, SMK St. Teresa, SMK Gapor dan SMK Penrissen No 1

Subjek hanya menjawab soal selidik yang mengandungi tiga bahagian, yang mana Bahagian A untuk demografi, bahagian B berkaitan dengan orientasi matlamat dan C pula untuk mengetahui motif penglibatan dalam sukan sofbol. Kedua-dua instrumen yang digunakan adalah berbentuk jawapan dipilih, di mana responden hanya memilih jawapan yang telah disediakan.

Penyelidik juga menentukan pengumpulan data dari responden dua minggu hingga enam minggu sebelum pertandingan. Bagi penyelidik, pengumpulan data semasa subjek dalam suasana pertandingan atau latihan akan memberi *mood* yang sebenar. Justeru itu data yang diperolehi mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.



1.7 Limitasi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik. Segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan kepada maklumbalas melalui soal selidik ini. Oleh itu kebolehpercayaan dapatan kajian ini adalah bergantung kepada keikhlasan dan kejujuran responden semasa menjawab soalan-soalan soal-selidik ini.

Pengaruh luar kawal yang boleh mempengaruhi dapatan kajian ini ialah latar belakang pelajar tersebut seperti pengaruh ibu bapa, rakan-rakan serta guru-guru. Selain dari itu sikap jurulatih juga mempengaruhi dapatan kerana kurangnya kerjasama yang diberikan semasa atlit menjawab soal-selidik ini.





1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini yang perlu, bagi memudahkan kefahaman tentang kajian ini. Di antaranya ialah;

1.8.1 Orientasi matlamat

Merujuk kepada kecenderungan atlit. Yang membawa kepada pencapaian latihan seperti sukan, di mana ia cenderung kepada ego atau tugas

1.8.2 Orientasi tugas

Merujuk kepada atlit yang mempunyai keyakinan sendiri, seseorang yang gigih berusaha atau berlatih, boleh bekerja sama dan sentiasa belajar dari kesalahan



1.8.3 Orientasi ego

Merujuk kepada atlit yang sentiasa mahu kemenangan dengan usaha yang kurang dan sentiasa mahu menunjukkan kebolehan diri adalah lebih tinggi dari orang lain

1.8.4 Atlit senior

Merujuk kepada pelajar yang berumur antara 16 tahun hingga 18 tahun yang terlibat dalam pemain sofbol MSSM Sarawak 2007.





1.8.5. Atlit junior

Merujuk kepada pelajar yang berumur antara 13 tahun hingga 15 tahun yang terlibat dalam permainan softball MSSM Sarawak 2007

1.8.6 Motif Penglibatan

Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002), motif ialah keinginan-keinginan yang lahir secara semulajadi dalam diri seseorang dan ia merupakan faktor penggerak yang kuat dalam mencapai matlamat. Motif yang timbul daripada dorongan semulajadi atau minat yang diperolehi adalah kuasa dinamis yang mempengaruhi pemikiran, emosi dan tingkahlaku.

